*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**



# PERLAMBANGAN TOPENG HAIWAN DAN MANUSIA DALAM PERSEMBAHAN BARONGAN DI MUAR DAN BATU PAHAT, JOHOR: SATU ANALISIS IKONOGRAFI

*FARZANA JAIS*
*Universiti Kebangsaan Malaysia*
*farzanajais@gmail.com*

*YUSMILAYATI YUNOS**
*Universiti Kebangsaan Malaysia*
*yusmila@ukm.edu.my*

**Pengarang Perantara*

## ABSTRAK

Barongan merupakan persembahan tradisi yang menggabungkan elemen topeng haiwan dan watak manusia sebagai perlambangan kuasa luar biasa, perlindungan dan norma moral dalam komuniti masyarakat Jawa di daerah Muar dan Batu Pahat, Johor. Objektif penulisan ini adalah menjelaskan perlambangan topeng haiwan dan watak manusia dalam persembahan Barongan dan membincangkan implikasinya terhadap identiti budaya dan sosial masyarakat Jawa di daerah tersebut. Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif berasaskan pemerhatian ikut serta dan temu bual separa struktur dengan penggiat utama kumpulan Barongan. Data yang diperolehi direkod, disaring dan dianalisis secara tematik bagi mengintepretasi perlambangan yang diwakili oleh topeng haiwan dan watak manusia. Maklumat ini disokong dengan kajian kepustakaan yang terdiri daripada buku, artikel jurnal dan tesis yang berkaitan tajuk penulisan. Reka bentuk kajian ini bersifat deskriptif-analitik iaitu mendokumentasikan elemen simbolik dalam persembahan Barongan serta menganalisis maknanya menggunakan Teori Ikonografi Erwin Panofsky (1939) yang merangkumi tiga peringkat tafsiran: pra-ikonografi, ikonografi, dan ikonologi. Dapatan penulisan ini menunjukkan topeng haiwan seperti kepala harimau, Singo Barong, prop Kuda Barong, topeng monyet (Genderuwo) dan topeng Buaya berfungsi sebagai simbol kuasa luar biasa, perlindungan dan ancaman kepada makhluk halus. Seterusnya watak manusia melambangkan peranan sosial, etika dan identiti masyarakat Jawa di kawasan kajian. Interaksi antara topeng haiwan dan watak manusia dalam persembahan ini menunjukkan hubungan erat antara manusia dan alam yang saling memerlukan antara satu sama lain. Implikasi kajian ini menegaskan bahawa persembahan Barongan sebagai seni warisan berperanan memelihara identiti budaya tempatan. Pendokumentasian warisan ini dapat memperkukuhkan peranan seni Barongan sebagai medium pendidikan, pelestarian warisan dan pengukuhan jati diri masyarakat Jawa di daerah Muar dan Batu Pahat, Johor.

**Kata kunci**: Barongan; Muar dan Batu Pahat, Johor; identiti budaya; pelestarian warisan

**ISSN 1675-7513**

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**



# THE SYMBOLISM OF ANIMAL AND HUMAN MASKS IN BARONGAN PERFORMANCES IN MUAR AND BATU PAHAT, JOHOR: AN ICONOGRAPHIC ANALYSIS

## ABSTRACT

Barongan is a traditional performance that combines elements of animal masks and human characters to symbolize supernatural power, protection, and moral norms within the Javanese community in the Muar and Batu Pahat districts of Johor. This study aims to explain the symbolism of animal masks and human characters in Barongan performances and to discuss their implications for the cultural and social identity of the Javanese community in the area. A qualitative research method was employed, utilizing participant observation and semi-structured interviews with key practitioners of Barongan groups. The data obtained were recorded, screened, and thematically analyzed to interpret the symbolism represented by the animal masks and human characters. This information is supported by a literature review comprising books, journal articles, and these relevant to the topic. The study adopts a descriptive-analytical design, documenting the symbolic elements of the Barongan performance and analyzing their meanings using Erwin Panofsky's (1939) Iconography Theory, which encompasses three levels of interpretation: pre-iconography, iconography, and iconology. The findings indicate that animal masks—such as the tiger head, "Singo Barong", "Kuda Barong" props, the monkey mask (Genderuwo), and the crocodile mask-serve as symbols of supernatural power, protection, and threats against malevolent spirits. Furthermore, the human characters symbolize the social roles, ethics, and identity of the Javanese community in the study area. The interaction between the animal masks and human characters in the performance demonstrates a close relationship between humans and nature, highlighting their mutual interdependence. The study underscores the role of Barongan performances, as a form of heritage art, in preserving local cultural identity. Documenting this heritage serves to reinforce the role of Barongan art as a medium for education, heritage preservation, and the strengthening of the Javanese community's identity in the Muar and Batu Pahat districts of Johor.

**Keywords**: Barongan; Muar and Batu Pahat, Johor; cultural identity; heritage preservation

## PENGENALAN

Kesenian dan kebudayaan Melayu Jawa banyak dipengaruhi dengan pelbagai simbol dalam setiap perlakuan serta kegiatan yang diamalkan oleh masyarakat Jawa. Simbol-simbol yang terdapat dalam kesenian Jawa membawa makna yang mempengaruhi kehidupan masyarakat. Budaya dalam perbendaharaan bahasa Jawa berasal daripada kata 'budi' atau 'daya' (Budiono Herusatoto, 1983). Perkataan 'budi' mengandungi erti akal untuk menimbang baik dan buruk, benar atau tidak. Kata 'daya' pula mengandungi erti

kekuatan atau tenaga. Kedua-dua kata itu dilihat mempunyai persamaan dari segi makna dan digabungkan menjadi kata 'budaya'.

Salah satu kesenian masyarakat Jawa yang penuh dengan simbol dan makna dapat dilihat dalam persembahan Barongan. Barongan atau juga dikenali sebagai tarian *reog* berasal dari daerah Ponorogo, Jawa Timur, Indonesia. Kota Ponorogo merupakan tempat asal lahirnya kesenian Barongan. Di Indonesia tarian ini dikenali sebagai tarian *reog* manakala di Malaysia tarian ini disebut sebagai tarian Barongan. Nama Barongan diperoleh daripada nama watak yang terdapat dalam persembahan tarian Barongan iaitu Singo Barong yang memakai topeng. Di Indonesia, Barongan masih utuh dipersembahkan dan hampir setiap daerah di Ponorogo mempunyai kumpulan *reog* Barongan tersendiri. Terdapat pesta tarian *reog* yang dianjurkan setiap tahun bagi mengumpul pra penggiat seni tari reog di Indonesia (Nazaruddin, 2016). Persembahan Barongan di Indonesia mnengandungi unsur-unsur mistik dan ilmu kebatinan yang kuat berbanding di Malaysia persembahan Barongan memerlukan penari memakai topeng haiwan dan pakaian tradisional masyarakat Jawa. Menurut Razali Md Amin et al. (2017) persembahan Barongan akan diiringi dengan gamelan Jawa.

Persembahan Barongan di daerah Muar dan Batu Pahat, Johor menggunakan beberapa topeng haiwan dan watak manusia sebagai penggerak kepada jalan cerita dalam tarian drama ini. Tarian Barongan merupakan warisan yang disampaikan kepada generasi muda sebagai identiti masyarakat Jawa. Watak dan segala peralatan yang digunakan dalam persembahan Barongan mempunyai simbol dan makna dalam kepercayaan masyarakat Jawa. Kepercayaan ini berkait rapat dengan cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat Jawa. Sehubungan itu penulisan ini berfokus kepada Kumpulan Reog Warisan Bestari, Parit Bugis, Muar, Kumpulan Seni Reog Gamala Sari Parit Baru, Sri Medan, Batu Pahat, dan Kumpulan Reog Sri Wahyuni Parit Bingan, Batu Pahat, Johor. Tujuan utama penulisan ini ialah menjelaskan topeng haiwan dan watak manusia dalam persembahan Barongan sebagai perlambangan menerusi Teori Ikonografi.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian lapangan bagi mendapatkan data yang autentik dan mendalam berhubung perlambangan topeng haiwan dan watak manusia dalam persembahan Barongan di daerah Muar dan Batu Pahat, Johor. Penulisan ini membolehkan pengkaji memahami makna budaya dan konteks perlambangan daripada perspektif pengamal seni (Creswell dan Poth, 2018). Reka bentuk kajian ini bersifat deskriptif-analitik, iaitu mendokumentasikan elemen simbolik dalam persembahan Barongan serta menganalisis maknanya menggunakan Teori Ikonografi Erwin Panofsky (1939) yang merangkumi tiga peringkat tafsiran: pra-ikonografi, ikonografi, dan ikonologi. Kajian dilaksanakan di daerah Muar dan Batu Pahat, Johor, terutamanya di kampung atau daerah yang masih aktif mengadakan persembahan Barongan, termasuk dalam acara adat, sambutan perayaan dan pertunjukan kebudayaan. Kaedah pengumpulan data merangkumi pemerhatian ikut serta di kawasan lapangan. Penulis menghadiri dan menyertai sesi latihan serta persembahan Barongan untuk mendokumentasikan maklumat berkenaan perlambangan berteraskan topeng haiwan dan watak manusia. Temu bual separuh struktur dijalankan bersama tokoh pengamal, penari

utama, pemuzik, dan penduduk setempat untuk memahami maksud simbol dan perlambangan. Rakaman visual dan foto digunakan untuk merekod butiran visual bagi analisis ikonografi. Selanjutnya penulisan ini dianalisis menggunakan kaedah analisis dokumen seperti sumber sastera lisan yang berkaitan dengan Barongan dan tradisi seumpamanya. Data yang diperolehi dianalisis secara tematik dengan berasaskan tiga peringkat analisis Teori Ikonografi Panofsky (1939) seperti berikut:

a. Peringkat Pra-Ikonografi merujuk kepada pengenalpastian bentuk dan objek seperti topeng kepala harimau, Singa Barong, topeng monyet (Genderuwo), Kuda Barong, topeng buaya, topeng watak manusia dan warna.
b. Peringkat Ikonograf merujuk kepada penerangan makna konvensional berdasarkan tradisi Melayu dan Jawa.
c. Peringkat Ikonologi merujuk kepada interpretasi makna yang lebih mendalam berkaitan falsafah hidup, kepercayaan animisme, dan pengaruh sejarah setempat.

Berhubung dengan hal tersebut di atas, Nor Hashimah Jalaluddin (2014) membincangkan bagaimana makna simbol, bahasa dan perlambangan budaya Melayu terbentuk melalui kepercayaan tradisional dan animisme, pengalaman sejarah masyarakat dan falsafah hidup dan pandangan alam. Pendekatan ini sejajar dengan peringkat ikonologi, iaitu penafsiran makna tersirat yang melampaui bentuk visual atau simbol semata-mata. Walaupun beliau tidak membincangkan ikonologi secara langsung dalam konteks sejarah seni Barat seperti Panofsky, kajian beliau sangat relevan untuk menyokong tafsiran makna mendalam, falsafah hidup, kepercayaan animisme dan pengaruh sejarah setempat dalam analisis simbol dan budaya tempatan. Pendekatan beliau berasaskan semantik budaya dan kognitif, yang selari dengan tahap ikonologi (interpretasi makna dalaman).

Teori ikonografi merupakan pendekatan analitis dalam kajian seni, budaya material dan representasi visual yang memberi tumpuan kepada penafsiran simbol, imej serta motif yang terkandung dalam sesuatu artefak atau karya seni. Ia berasaskan pemahaman bahawa visual bukan sekadar objek estetik, tetapi medium yang memaparkan pengalaman budaya, kepercayaan dan pandangan alam masyarakat. Sebagai disiplin, ikonografi mula berkembang dalam sejarah seni Eropah, khususnya melalui usaha Aby Warburg (1999) yang menekankan hubungan antara imej dan memori budaya. Perkembangan awal ini kemudian membentuk asas kepada kerangka analisis moden yang lebih sistematik.

Erwin Panofsky (1939) merupakan tokoh utama yang memperkukuh teori ikonografi melalui pengenalan tiga tahap analisis: pra-ikonografi, ikonografi dan ikonologi. Tahap pra-ikonografi menumpukan kepada deskripsi bentuk visual berdasarkan pengamatan literal seperti warna, bentuk, susunan dan objek. Tahap ikonografi pula menghubungkan elemen visual ini dengan motif, naratif, dan simbol yang dikenali dalam tradisi atau sejarah sesuatu masyarakat. Pada tahap ikonologi, analisis bergerak kepada tafsiran yang lebih mendalam dengan meneliti makna konseptual dan struktur pemikiran yang melatari kewujudan simbol tersebut. Dengan itu, teori ikonografi bukan hanya menganalisis imej, tetapi memahami keseluruhan sistem makna yang menggerakkan budaya.

Dalam konteks kajian budaya dan seni serantau, khususnya di Malaysia dan Alam Melayu, teori ikonografi berfungsi sebagai alat penting untuk menyingkap makna di sebalik motif yang terdapat pada ukiran kayu, tekstil tradisional, seni persembahan dan seni bina. Motif flora, fauna, kosmologi dan geometrik yang sering dijumpai dalam artefak tradisional Melayu mempunyai lapis simbolik yang berkait dengan kosmologi Islam, alam sekitar, adat serta struktur sosial masyarakat. Melalui pendekatan ikonografi, penyelidik dapat menelusuri makna tersirat yang mungkin tidak dijelaskan secara langsung oleh penghasil artefak tetapi terikat pada tradisi visual yang diwarisi turun-temurun.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian oleh Mohamad Safee Sapari (2011) berjudul "Tarian Barongan (Revolusi dan Cabaran dalam Kelestariannya)" membincangkan konsep tarian Barongan di Kampung Parit Nipah Darat dan Kampung Parit Baru, daerah Batu Pahat, Johor dengan melihat kepada pelbagai aspek hingga kepada unsur spiritual. Kajian ini juga akan menyentuh aspek cabaran terhadap perkembangan tarian Barongan di negeri Johor seperti isu mistik, perubahan persembahan dan transformasi warisan budaya. Oleh kerana peredaran zaman, unsur spiritual dalam tarian ini dikikis dan kini tarian ini hanya dijadikan sebagai seni hiburan sahaja.

Penulisan berjudul "From Ritual to Entertainment: The Changing Role of Barongan Performance Arts" oleh Muhammad Jazuli dan Samsul Alam (2020) membincangkan bagaimana peranan persembahan Barongan telah berubah dalam konteks kontemporari. Dapatan kajian ini menunjukkan seni persembahan Barongan dipersembahkan dalam dua bentuk, iaitu bentuk perarakan atau perbarisan dan drama-tari. Seni ini berubah daripada berfungsi sebagai ritual kepada hiburan disebabkan oleh perkembangan kehidupan sosial dan budaya masyarakat Blora, yang dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan globalisasi. Pertumbuhan dan perkembangan persembahan Barongan sebagai pusat hiburan juga tidak dapat dipisahkan daripada penyertaan para seniman dan pengurus dalam memperkenalkan seni ini.

Muhammad Jazulia, Slamet MD, dan Lesa Paranti (2020) dalam kajian berjudul berjudul "Bentuk dan Gaya Kesenian Barongan Blora" membincangkan seni Barongan sebagai cerminan kreativiti seni dan budaya masyarakat Blora, Jawa Tengah, yang bersifat kerakyatan serta sarat makna. Ia dicirikan oleh sifat spontan, sederhana, kekeluargaan, kasar, menentang dan berani yang mencerminkan keaslian budaya setempat. Sifat kerakyatan ini memberi kekuatan luar biasa kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan. Dalam persembahan Barongan, topeng singa menjadi simbol kekuatan yang penting bagi pembinaan pendidikan anak bangsa. Kajian ini menjelaskan bentuk dan corak seni Barongan sebagai kearifan lokal serta meneliti nilai-nilai yang dapat dimanfaatkan untuk memperkukuh pendidikan moral. Barongan mempunyai peranan penting dalam acara budaya tradisional di daerah Blora seperti sedekah bumi, bersih kampung, dan lamporan. Hasil kajian mendapati Barongan terbahagi kepada dua bentuk utama, iaitu arak-arakan dan drama serta gaya persembahan.

Kajian Linda Sunarti et al. (2022) berjudul "The Perception and Preservation of Javanese Culture in Malaysia" menjelaskan tentang diaspora Jawa di Malaysia.

Masyarakat Jawa telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyesuaikan diri dan berintegrasi dengan budaya tempatan. Pada masa yang sama, mereka turut berusaha mengekalkan adat resam dan tradisi budaya mereka. Dalam usaha menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu, masyarakat Jawa menyerap dan mengadaptasi adat resam tempatan. Sebagai contoh, mereka mengubah suai adat atau tradisi yang dianggap bertentangan dengan ajaran Islam, seperti seni kuda kepang yang tidak lagi menggunakan "sesajen" (persembahan kepada roh) semasa persembahan. Walau bagaimanapun, mereka tetap mengekalkan dan mengamalkan tradisi serta budaya asal usul mereka. Di Malaysia, masyarakat Jawa masih mengekalkan dan mengembangkan seni tradisional mereka seperti kuda kepang, reog/Barongan, gamelan, wayang kulit dan kemplingan. Lama-kelamaan, budaya mereka telah diterima oleh penduduk tempatan, khususnya orang Melayu, dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebagai sebahagian daripada warisan budaya negara (memandangkan keturunan Jawa telah berintegrasi dan menjadi sebahagian daripada kelompok Melayu yang dikenali sebagai Melayu Jawa).

Desnatia Munzilatul Qur'aniyah, Muhammad Jazuli dan Wahyu Lestari (2023) berjudul "The Characters' Values of Barongan Turonggo Laras Arts in Kendal Regency" menggunakan pendekatan fenomenologi, etika, dan emik untuk membincangkan kesenian Barongan. Ia merupakan salah satu kesenian rakyat yang sudah sebati dalam kehidupan masyarakat dan berperanan bukan sahaja sebagai hiburan, tetapi juga sebagai medium penyampaian nilai-nilai murni. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual, dan dokumentasi, manakala kesahan data disokong melalui triangulasi teknik. Analisis data dilakukan melalui tiga peringkat iaitu pengurangan data, penyajian data dan kesimpulan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesenian Barongan Turonggo Laras yang berkembang di Desa Galih, Kecamatan Gemuh, Kabupaten Kendal mengandungi lapan nilai karakter utama iaitu keagamaan, jujur, toleransi, kerja keras, kreativiti, cintakan negara, tanggungjawab, kerjasama dan pemupukan nilai murni dapat dikenal pasti melalui analisis unsur persembahan yang merangkumi pergerakan, penari, muzik tarian, solekan, fesyen, masa, tempat, pentas, bunyi, pencahayaan, peralatan pentas, dan penonton. Kajian ini menegaskan bahawa kesenian Barongan bukan sekadar bentuk hiburan tradisional, tetapi menjadi medium pendidikan karakter yang penting bagi masyarakat setempat.

Kajian Alde Hera Klinsando, Ponimin dan Swastika Dhesti Anggriani (2023) berjudul "Bentuk dan Teknik Penggarapan Topeng Barongan Kucingan di Tulungagung" ditentukan oleh pola karya dan ragam gerak unik yang menjadikannya warisan seni yang bernilai tinggi. Topeng Barongan Kucingan melambangkan sifat angkara murka, serakah, ganas, menyeramkan, perkasa dan keji, serta sarat dengan nilai mistik. Proses pembuatannya melibatkan ritual khusus agar penonton dapat merasakan tenaga ghaib. Kajian ini bertujuan menghuraikan bentuk dan makna Topeng Barongan Kucingan di Tulungagung, termasuk proses spiritual, teknik penggarapan dan peringkat pembuatannya. Pendekatan deskriptif kualitatif digunakan dengan kaedah pengumpulan data melalui pemerhatian, dokumentasi dan temu bual. Hasil kajian mendapati pembuatannya menggunakan teknik ukir yang merangkumi lima peringkat utama iaitu persiapan, pembentukan bentuk asas, penggarapan ornamen, pembuatan aksesori dan proses akhir (finishing) serta perakitan.

Siti Islamiah Ahmad, Mohd Effindi Samsuddin dan Awang Azman Awang Pawi (2023) dalam kajiannya berjudul "Isim" dan "Isi" dalam Persembahan Seni Permainan Kuda Kepang" berfokus kepada hubung kait antara pemilikan "isim" dalam diri pemain dan pengisian "isi" dalam peralatan permainan kuda kepang untuk merealisasikan kewujudan keadaan mabuk ketika persembahan. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti faktor berlakunya mabuk sewaktu persembahan. Data-data dalam kajian ini diperoleh melalui kajian lapangan bersama empat kumpulan kuda kepang yang masih bergerak aktif di negeri Johor. Kandungan dan faktor yang menyebabkan keadaan mabuk ini berlaku dikaji dalam kajian ini bertitik tolak daripada falsafah permainan kuda kepang yang mengandungi unsur tersebut. Reka bentuk kajian kes melalui kaedah kualitatif menghasilkan data yang diperolehi daripada pemerhatian, wawancara, dan dokumentasi. Hasil penelitian menunjukkan pemain yang mabuk memiliki "isim" dan peralatan persembahan yang digunakan pula memiliki "isi". Keadaan mabuk mempunyai hubungan rapat dengan proses ritual yang dilakukan sebelum persembahan yang turut berkait rapat dengan faktor pemilikan "isim" dan "isi" tersebut. Tanpa "isim" dalam diri pemain dan "isi" dalam peralatan muzik, keadaan mabuk sewaktu persembahan tidak akan berlaku walaupun proses ritual telah dijalankan. Kajian ini dapat menjelaskan kepentingan "isim" dan "isi" bagi menjayakan proses ritual dan kewujudan mabuk.

Rohasmezan Hashim dan Zaimie Sahibil (2024) dalam kajian berjudul "Simbol Budaya Masyarakat Sabah dalam Karya Seni Arca Warisan oleh Chee Sing Teck" menjelaskan arca warisan yang dihasilkan oleh Chee Sing Teck mempunyai simbol budaya masyarakat etnik Rungus di Sabah. Penulis mengaplikasikan Teori Ikonografi untuk melihat bagaimana simbol pada arca berhubungan dengan budaya masyarakat di negeri Sabah. Arca berkaitan dengan kehidupan seharian masyarakat yang meliputi aktiviti keramaian, perkahwinan dan lain-lain majlis tradisi yang berhubung kait dengan pakaian tradisional mereka.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa majoriti kajian lepas berkaitan Barongan di Johor lebih banyak menumpukan kepada aspek sejarah umum, antropologi warisan, identiti dan penyesuaian budaya serta impak pelancongan. Walau bagaimanapun, wujud jurang kajian yang ketara iaitu kurangnya penelitian mendalam pengkajian makna perlambangan topeng haiwan dan watak manusia dalam ritual persembahan Barongan. Selain kurangnya kajian kualitatif baharu yang memberi tumpuan khusus kepada dinamik persembahan Barongan di daerah Muar dan Batu Pahat, Johor. Justeru, penemuan kajian ini terletak pada analisis mendalam terhadap entiti topeng haiwan dan watak manusia sebagai struktur perlambangan menggunakan pendekatan ikonografi dalam persembahan Barongan khusus di daerah Muar dan Batu Pahat, Johor. Kajian ini secara langsung mengisi kelompangan literatur dengan mengangkat dimensi makna simbolik yang selama ini terlepas pandang dalam wacana kajian warisan Jawa tempatan.

## SIMBOL DAN PERLAMBANGAN

Masyarakat dahulu mengamalkan kepercayaan terhadap alam. Mereka mempunyai pegangan yang kuat terhadap unsur-unsur yang mempengaruhi hidup mereka dalam melangsungkan kehidupan sehari-hari. Hal ini demikian kerana kehidupan mereka dikelilingi oleh hutan yang didiami oleh binatang buas dan juga binatang pemangsa.

Kepercayaan ini diterapkan dalam tarian Barongan yang diamalkan oleh masyarakat Jawa yang mempunyai simbol dan makna dalam kehidupan mereka. Perlambangan inilah yang mempengaruhi kehidupan masyarakat pada ketika itu. Barongan muncul sebagai sebuah tarian rakyat yang bertujuan untuk menghiburkan masyarakat. Tarian ini merupakan sebuah tarian drama yang menceritakan tentang sebuah kerajaan yang hebat pada ketika itu di Tanah Jawa. Tarian ini menjadi sumber hiburan kepada masyarakat umum selepas penjajahan berlaku ke atas kerajaan di Tanah Jawa.

Pelbagai unsur telah diterapkan dalam tarian Barongan. Antara unsur-unsur tersebut ialah alam, mistik dan lupa atau tidak sedar diri. Masyarakat Jawa mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap unsur-unsur mistis dan kebatinan sebelum adanya kepercayaan terhadap agama Islam. Walau bagaimanapun, setelah Islam tersebar ke Nusantara kepercayaan masyarakat Jawa mulai berubah sedikit demi sedikit. Keadaan ini turut mempengaruhi persembahan Barongan di daerah Muar dan Batu Pahat. Lama kelamaan persembahan Barongan cuba beradaptasi dengan agama Islam. Persembahan Barongan telah disesuaikan dengan agama Islam tetapi masih mengekalkan ciri-ciri tarian yang tidak melanggar hukum agama (Muhamad, 2016).

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Persembahan tarian Barongan di daerah Muar dan Batu Pahat mengetengahkan kepelbagaian watak bertopengkan haiwan serta watak sampingan bertopengkan manusia yang berfungsi menggerakkan naratif persembahan. Muhammad (2016) menjelaskan penggunaan topeng-topeng ini tidak sekadar bertindak sebagai elemen estetika, malah menghuraikan nilai simbolisme yang sarat dengan makna tersirat. Makna tersebut berkait rapat dengan kosmologi, falsafah kehidupan dan sistem kepercayaan tradisi masyarakat Jawa. Sehubungan dengan itu, Jadual 1 memperincikan perlambangan serta signifikasi budaya yang mendasari setiap watak bertopeng dalam persembahan berkenaan. Penulisan ini di menggunakan Teori Ikonografi sebagai satu kaedah untuk melihat hubungan persembahan tarian Barongan sebagai simbol yang memunyai makna tersirat.

Tiga peringkat Teori Ikonografi diaplikasikan dalam analisis persembahan Barongan di daerah Muar dan Batu Pahat menjelaskan tiga perkara utama yang dapat diinterpretasikan iaitu pertama pengenalpastian elemen visual tanpa interpretasi mendalam yang dapat dilihat melalui topeng kepala harimau, Singa Barong, prop Kuda Barong, topeng monyet (Genderuwo), buaya, topeng Klono Sewandono, Bujang Ganong dan Puteri Samidah Songgol Langit. Selain itu terdapat pawang persembahan dan penari pengiring serta alat muzik tradisional seperti gong, gendang dan pergerakan tarian berirama. Kedua, mentafsirkan maksud yang disepakati dalam budaya setempat seperti Singa Barong yang bertindak sebagai penyelamat atau pelindung roh jahat. Manakala pawang persembahan bertindak sebagai perantara dunia nyata dan dunia spiritual. Diikuti penari pengiring sebagai lambang perpaduan masyarakat Jawa di daerah Muar dan Batu Pahat. Ketiga, mentafsirkan makna yang lebih mendalam iaitu menginterpretasikan persembahan Barongan dalam konteks sosial dan sejarah. Persembahan Barongan sebagai lambang kesinambungan warisan budaya masyarakat Jawa di Johor, menjalinkan hubungan harmoni antara manusia dan alam serta peneguhan identiti budaya melalui ritual yang diadakan sebelum persembahan dimulakan.

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**



JADUAL 1. Aplikasi Tiga Peringkat Analisis Ikonografi Panofsky dalam Persembahan Barongan di Daerah Muar dan Batu Pahat, Johor

| Peringkat Analisis | Fokus Utama | Penerangan | Contoh dalam Barongan Muar dan Batu Pahat |
|---|---|---|---|
| 1. Pra-Ikonografi (Pemerhatian Asas) | Bentuk, warna, gerak, susunan visual | Pengenalpastian elemen visual tanpa interpretasi mendalam. | • Topeng berbentuk kepala harimau, Singa Barong, monyet (genderuwo), prop Kuda Barong dan topeng buaya<br>• Topeng watak manusia iaitu Klono Sewandono, Bujang Ganong dan Puteri Samidah Songgol Langit.<br>• Manusia sebagai pawang dan penari pengiring.<br>• Alat muzik tradisional seperti gong, gendang, serunai.<br>• Pergerakan tarian berirama secara kumpulan. |
| 2. Ikonografi (Makna Konvensional) | Simbol dan makna budaya yang dikenali | Mentafsirkan maksud yang disepakati dalam budaya setempat. | • Topeng Singa Barong: pelindung daripada roh jahat.<br>• Topeng Kuda Barong: kenderaan, alat pengangkutan.<br>• Topeng kepala harimau: Ketua angkatan perang.<br>• Pawang Persembahan: perantara dunia nyata dan spiritual.<br>• Penari pengiring: melambangkan perpaduan komuniti. |
| 3. Ikonologi (Makna Tersirat) | Konteks sosial, budaya dan sejarah | Mentafsirkan makna mendalam dalam konteks sosial dan sejarah. | • Barongan sebagai lambang kesinambungan warisan budaya Johor.<br>• Hubungan harmoni antara manusia dan alam.<br>• Adaptasi elemen moden seperti festival dan pentas komuniti tanpa mengikis nilai sakral.<br>• Peneguhan identiti budaya melalui ritual persembahan. |

Kepercayaan terhadap kebudayaan dan kesenian mempunyai simbol serta makna penting yang mempengaruhi pegangan hidup masyarakat Jawa (Muhamad, 2016). Kepercayaan ini seterusnya membentuk amalan seharian yang menghubungkan tiga aspek utama kehidupan iaitu hubungan manusia dengan alam, manusia dengan manusia dan manusia dengan haiwan (Nazaruddin, 2016). Misalnya, persembahan Barongan

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**

menampilkan simbol-simbol yang mengisahkan sejarah dan legenda sebuah kerajaan di Ponorogo di Jawa Timur. Setiap simbol dan lambang dalam persembahan ini bukan

**ISSN 1675-7513**

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**



sahaja indah dari segi seni, malah membawa falsafah yang terus memberi kesan kepada kehidupan sosial dan budaya masyarakat Jawa.

Perlambangan tentang alam sering digunakan dalam persembahan Barongan. Masyarakat Jawa juga belajar dan mendapatkan ilmu pengetahuan daripada pengalaman hidupnya melihat alam. Hal ini kerana alam yang paling hampir dengan manusia dalam mempengaruhi kehidupan masyarakat. Muhamad (2016) menjelaskan persembahan Barongan menggunakan manusia dan haiwan sebagai watak utama. Watak mereka dilengkapkan dengan topeng-topeng khusus bagi menggambarkan sebuah cerita. Setiap topeng yang dipakai mempunyai simbol dan makna dalam kehidupan masyarakat Jawa. terhadap sesuatu objek yang dikaitkan dalam persembahan ini.

JADUAL 2. Perlambangan Topeng Haiwan dan Manusia dalam Persembahan Barongan di Daerah Muar dan Batu Pahat

| **Peringkat Analisis** | **Huraian Konsep** | **Aplikasi dalam Persembahan Barongan Muar dan Batu Pahat** | **Perlambangan Haiwan** | **Perlambangan Manusia** |
|---|---|---|---|---|
| 1. Pra - Ikonografi | Pemerhatian asas terhadap bentuk, warna, dan pergerakan tanpa tafsiran budaya. | Pemerhati mengenal pasti elemen visual dan fizikal dalam persembahan. | ● Topeng kepala harimau, Singo Barong, monyet (Genderuwo), prop Kuda Barong dan topeng buaya.<br>● Warna merah, emas, dan hitam pada kostum haiwan.<br>● Gerakan melompat, menggigit, mengibas kepala. | ● Penari manusia berpakaian tradisional Jawa.<br>● Gerakan tari mengiring, mengawal atau menenangkan Barongan.<br>● Alat muzik dipukul serentak dengan pergerakan. |
| 2. Analisis Ikonografi | Mengenal pasti makna simbolik berdasarkan tradisi dan naratif budaya. | Bentuk dan gerak dihubungkan dengan fungsi simboliknya dalam budaya Jawa tempatan. | ● Singa/harimau sebagai pelindung daripada roh jahat.<br>● Warna merah → keberanian, emas → kemuliaan, hitam → kekuatan ghaib.<br>● Gerakan menggigit → menghalau ancaman. | ● Penari sebagai pengiring dan penjaga adat.<br>● Gerakan menenangkan → kawalan terhadap kekuatan luar biasa.<br>● Muzik sebagai penghubung dunia nyata dan ghaib. |
| 3. Analisis | Menafsir makna mendalam dalam | Persembahan difahami sebagai | ● Haiwan Barongan melambangkan | ● Manusia melambangkan |

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**



| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Ikonologi | konteks sejarah, sosial, agama, | gabungan kepercayaan tradisi | kekuatan spiritual yang kini | struktur sosial dan kepimpinan |

**ISSN 1675-7513**

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**



| Peringkat Analisis | Huraian Konsep | Aplikasi dalam Persembahan Barongan Muar dan Batu Pahat | Perlambangan Haiwan | Perlambangan Manusia |
|---|---|---|---|---|
| | dan politik. | dan nilai Islam di Batu Pahat. | disesuaikan dengan nilai moral Islam.<br>● Lambang perpaduan antara manusia dan alam ghaib. | komuniti.<br>● Penari sebagai penghubung antara kuasa pelindung dan masyarakat.<br>● Mewakili tanggungjawab manusia |

## HAIWAN SEBAGAI PERLAMBANGAN

Persembahan Barongan menggunakan topeng berwajah haiwan sebagai perlambangan terhadap watak yang digambarkan. Haiwan merupakan watak utama yang digunakan dalam persembahan Barongan yang diamalkan oleh masyarakat Jawa di daerah Muar dan Batu Pahat. Haiwan dijadikan sebagai perlambangan terhadap watak yang diceritakan dalam persembahan Barongan. Terdapat pelbagai jenis topeng berwajah haiwan yang digunakan untuk mengambarkan watak disebalik kisah yang disampaikan melalui kesenian ini. Perlambangan yang digunakan dalam persembahan Barongan disesuaikan dengan jalan cerita yang mengisahkan tentang sebuah kerajaan di daerah Ponorogo, Indonesia Jawa Timur. Haiwan-haiwan ini dijadikan sebagai perlambangan dalam kehidupan masyarakat Jawa yang menggambarkan tentang alam dan kepercayaan mereka terhadap sesuatu objek alam yang seterusnya mempengaruhi cara hidup dan sosial dalam kehidupan bermasyarakat (Muhamad, 2016). Antara topeng haiwan yang terlibat dalam persembahan Barongan termasuklah topeng kepala harimau, Singo Barong, prop Kuda Barong dan topeng buaya.

### Topeng Kepala Harimau

Masyarakat Jawa menggunakan topeng kepala harimau (Gambar 1) sebagai lambang kekuatan dan kegagahan mereka. Harimau memainkan peranan penting dalam mitos dan budaya rakyat, di samping mendapat tempat dalam bidang perfileman dan kesusasteraan moden. Harimau mempunyai lambang terhadap semangat dalam diri masyarakat yang dipercayai dalam kehidupan (Muhamad, 2016). Harimau menduduki takhta raja segala haiwan di kebanyakan budaya Asia Timur yang melambangkan kerajaan, keberanian dan kemarahan. Sebagai salah seekor haiwan terpenting dalam mitos dan kebudayaan Jawa, harimau telah dianggap sebagai lambang kepada kekuatan dan kegagahan dalam kehidupan masyarakat Jawa (Misrin, 2015). Harimau digambarkan sebagai lambang duniawi menyaingi naga yang melambangkan rohani, bagai buku bertemu ruas. Oleh kerana ketangkasan harimau, ia menjadi watak utama dalam persembahan Barongan.

Topeng kepala harimau melambangkan panglima tentera tertinggi. Hal ini dapat

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**

dikaitkan dengan cerita Barongan yang mengisahkan tentang sebuah kerajaan di daerah

**ISSN 1675-7513**

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**



Ponorogo, Jawa Timur, Indonesia. Harimau menjadi lambang kemegahan kepada masyarakat. Topeng kepala harimau akan dihiasi dengan bulu-bulu merak yang berkembang mekar semasa persembahan diadakan (Nazaruddin, 2016). Penggunaan kepala harimau adalah lambang kekuasaan raja di rimba kerana pada zaman dahulu masyarakat ini menjalani kehidupan yang dikelilingi dengan hutan rimba. Ia melambangkan masyarakat yang berani dan kuat dalam menghadapi cabaran kehidupan.



GAMBAR 1. Topeng Kepala Harimau
Sumber: Farzana Jais, 2016

## Topeng Singo Barong

Topeng Singo Barong (Gambar 2) merupakan gabungan reka bentuk berkepala harimau yang dihiasi dengan bulu merak mekar sebagai daya tarikan utama kesenian masyarakat Jawa. Pada asalnya, elemen burung merak merupakan simbol dalam agama Hindu. Walau bagaimanapun, seiring dengan kedatangan agama Islam, elemen ini dikekalkan tetapi diangkat sebagai lambang kesucian agama (Muhamad, 2016). Menurut Nazaruddin (2016), keindahan dan keunikan bulu merak yang berkembang mekar itu menjadi simbolik kepada nilai kesucian tersebut. Selain itu, pada bahagian kepala burung merak di topeng ini, terdapat hiasan manik-manik yang digantung pada hujung paruhnya sebagai simbolik kepada tasbih. Unsur ini jelas mencerminkan penyesuaian dan pengaruh ajaran Islam dalam persembahan Barongan, sekali gus menjadikannya sebagai medium penyebaran agama dan hiburan masyarakat.

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**





GAMBAR 2. Topeng Singo Barong dihiasi Bulu Burung Merak
Sumber: Farzana Jais, 2016

Penggunaan bulu merak dalam persembahan Barongan berkait rapat dengan symbol agama Hindu. Sebelum datangnya agama Islam, agama Hindu terlebih dahulu mempengaruhi kehidupan masyarakat Jawa pada ketika itu. Setelah datangnya pengaruh agama Islam, burung merak masih lagi dikekalkan penggunaannya dan menjadi lambang kepada kesucian agama (Muhamad, 2016). Burung merak merupakan seekor burung yang cantik dan indah. Keindahannya terdapat pada bulu-bulunya yang berkembang mekar dengan warna yang sangat menarik. Gambaran ini dapat dilihat melalui topeng Singo Barong berkepala harimau dan digabungkan dengan bulu-bulu merak yang berkembang mekar (Nazaruddin, 2016). Berikut adalah gambar topeng Singo Barong dan topeng Singo Barong yang dihiasi bulu burung merak.



GAMBAR 3. Topeng Singo Barong
Sumber: Farzana Jais, 2016

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**






GAMBAR 4. Singo Barong
Sumber: You Tube - Tarian Barongan Batu Pahat

## Prop Kuda Barong

Prop Kuda Barong melambangkan tentera berkuda yang terdapat dalam kisah sejarah kerajaan Bantarangin di daerah Ponorogo Jawa Timur. Pada zaman itu terdapat 144 ekor tentera berkuda yang ditunggangi oleh 144 orang tentera berkuda yang berpakaian menyerupai wanita sewaktu menyerang musuh. Namun, dalam persembahan Barongan di daerah Muar dan Batu Pahat gambaran ini hanya memperlihatkan empat orang penari bersama empat ekor kuda yang dikenali dengan nama Kuda Barong (Muhamad, 2016). Jika dilihat dari aspek makna, prop Kuda Barong merupakan haiwan yang dijadikan kenderaan tunggangan dan pengangkutan pada zaman dahulu sebelum wujudnya kenderaan beroda. Kuda juga turut digunakan sebagai kenderaan golongan raja dan juga angkatan tentera yang pergi berperang (Nazaruddin, 2016). Signifikasi sejarah dan estetika haiwan ini seterusnya diserap sebagai elemen simbolik utama dalam seni persembahan tarian Barongan oleh masyarakat Jawa. Berikut merupakan prop Kuda Barong yang digunakan dalam persembahan Barongan.



GAMBAR 5. Prop Kuda Barong

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**



Sumber: Farzana Jais 2016

Prop Kuda Barong melambangkan ketangkasan dan kecekapan para tentera berkuda dalam menangani musuh semasa peperangan (Nazaruddin, 2016). Hal ini demikian kerana kuda merupakan haiwan yang bergerak pantas dan dijadikan sebagai kenderaan pada ketika itu. Watak Kuda Barong ini dikaitkan dengan perwatakan dan kelakuan masyarakat Jawa yang sangat bersopan santun dan pemalu dalam melakukan sesuatu tetapi mereka sangat cergas dan cerdas dalam bertindak apabila melakukan sesuatu perkara. Perkara ini dijelaskan oleh Muhamad (2016) yang merupakan ketua kumpulan Barongan Sri Wahyuni Parit Bingan Parit Raja daerah Batu Pahat.

## Topeng Monyet (Genderuwo)

Topeng monyet (Genderuwo) seperti dalam Gambar 6 merupakan topeng watak tambahan yang digunakan dalam persembahan Barongan di daerah Muar dan Batu Pahat. Penambahan topeng watak ini bertujuan untuk menimbulkan kesan kelucuan serta pengajaran terhadap khalayak yang menonton persembahan Barongan. Ia ditambah disebabkan kehendak masyarakat yang menginginkan hiburan. Terdapat topeng berwajah monyet (Genderuwo) digunakan dalam persembahan Barongan. Topeng Genderuwo ini digunakan sebagai watak tambahan yang melakonkan aksi lucu dan menghiburkan masyarakat penontonnya (Muhamad, 2016).

Genderuwo ini dikenali sebagai spesis monyet dalam pemahaman masyarakat Jawa. Genderuwo merupakan spesis monyet yang besar saiznya berbanding monyet biasa dan mempunyai rupa paras yang menakutkan dengan mata terbeliak serta bergigi tajam. Bagi masyarakat Jawa di daerah tersebut penggunaan topeng monyet atau Genderuwo memberikan fungsi hiburan dan watak tambahan sahaja. Jika dikaitkan dengan agama Hindu, Gondoruwo atau monyet merupakan dewa agama Hindu yang disembah dan dikenali sebagai Hanuman. Menurut lagenda Hindu, Hanuman dilahirkan oleh Anjana yang merupakan seorang bidadari yang bernama Punjikasthala. Akibat daripada sumpahan Punjikasthala dilahirkan semula ke dunia sebagai monyet. Berbanding di daerah Muar dan Batu Pahat topeng Genderuwo menyerupai orang hutan berwajah seperti manusia yang menakutkan (Muhamad, 2016).

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**





GAMBAR 6. Topeng Gondoruwo
Sumber: Farzana Jais, 2016

## Topeng Buaya

Topeng berwajah buaya juga merupakan topeng watak tambahan dalam persembahan Barongan. Ia bertujuan memberikan hiburan kepada khalayak masyarakat Jawa yang menonton persembahan ini. Topeng buaya akan dipakai bersama kain yang menutup badan si pemakai. Topeng dalam Gambar 7 merupakan topeng yang dimiliki oleh kumpulan Warisan Bestari Parit Bugis, Muar. Topeng ini telah dihasilkan sendiri oleh penggiat Barongan (Nazaruddin). Beliau menyatakan topeng buaya ini diperbuat daripada kepingan logam yang membentuk kepala buaya. Seterusnya kayu diukir dan membentuk rupa buaya yang mempunyai gigi. Topeng ini diwarnakan dengan warna merah, kuning dan hitam untuk menimbulkan kesan menarik dan unik. Gambar kepala harimau diletakkan pada bahagian atas topeng untuk menunjukkan topeng ini digunakan dalam persembahan barongan (Nazaruddin, 2016).



GAMBAR 7. Topeng Buaya
Sumber: Farzana Jais 2016

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**


Menurut Nazaruddin (2016), topeng buaya ini sekadar penambahan dan tokok tambah dalam kumpulan warisan Bestari Parit Bugis, Muar. Topeng buaya ini dipersembahkan seperti Tarian Naga Cina iaitu iaitu dengan cara dipegang dengan tangan dan tidak dipakai seperti topeng yang lain. Penutup badan digunakan untuk menutup kepala dan badan pemakai topeng buaya yang dibawa secara berdiri seperti berjalan biasa. Walau bagaimanapun, simbol terhadap buaya ini sangat mempengaruhi kehidupan masyarakat Jawa. Mereka merupakan masyarakat yang tinggal di dalam hutan dan persisiran sungai. Mereka juga mengamalkan ekonomi sara diri seperti mengutip hasil hutan, menangkap ikan di sungai dan bertani. Sumber air utama mereka menggunakan sumber semulajadi daripada sungai. Sungai merupakan tempat tinggal hidupan liar seperti buaya. Oleh itu, masyarakat Jawa sangat percaya bahawa buaya mempunyai satu kuasa atau semangat yang terdapat dalam kepercayaan animisme masyarakat Jawa pada masa dahulu (Nazaruddin, 2016).

## MANUSIA SEBAGAI PERLAMBANGAN

Manusia adalah makhluk budaya dan budaya manusia penuh dengan simbol-simbol yang menjadi perlambangan kepada sesuatu yang membawa makna terhadap sesuatu objek tertentu. Simbolisme yang terdapat dalam budaya Jawa dalam kesenian Barongan ini melambangkan ketinggian pemikiran masyarakat yang kaya dengan ilmu yang membentuk kebudayaan dalam kehidupan. Manusia adalah '*home creator'* atau makhluk yang sentiasa mencipta sesuatu yang baru dalam kehidupan (Budiono Herusatoto 1983).

Dalam persembahan Barongan watak yang dimainkan oleh manusia mempunyai kemahiran dalam tari menari. Watak ini menggunakan manusia sebagai pemain tari dengan memakai topeng yang melakonkan watak-watak yang diceritakan. Manusia ini dijadikan sebagai simbol raja dan juga musuh kepada raja dalam cerita yang disampaikan dalam bentuk Barongan. Terdapat dua golongan watak dalam persembahan Barongan iaitu watak lelaki diwakili oleh topeng Kelono Sewandono dan Bujang Ganong. Manakala watak wanita diwakili oleh topeng Puteri Samidah Songgol Langit.

### Kelono Sewandono dan Bujang Ganong

Watak lelaki yang digunakan dalam persembahan Barongan ini merupakan simbol dan perlambangan terhadap watak Raja yang terdapat dalam persembahan Barongan. Watak lelaki ini harus memerlihatkan gaya dan kelakuan sebagai seorang raja menerusi pakaian dan juga topeng yang digunakannya. Topeng inilah yang menjadikan watak tersebut kelihatan seperti seorang raja. Terdapat dua topeng watak lelaki yang digunakan dalam persembahan Barongan (Muhamad, 2016). Topeng-topeng yang digunakan inilah yang akan membezakan setiap watak yang diutarakan dalam persembahan ini. Watak lelaki yang terdapat dalam persembahan tarian Barongan ini memakai topeng watak Kelono Sewandono dan Bujang Ganong. Kedua-dua topeng watak ini mempunyai kelakuan dan rupa paras yang berbeza (Nazaruddin, 2016).

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**





GAMBAR 8. Topeng Watak Kelono Sewandono
Sumber: Farzana Jais 2016

Watak Kelono Sewandono (Gambar 8) digambarkan sebagai seorang Raja berpakaian seperti seorang raja Jawa dan mempunyai perisai yang dikenali sebagai *'badong'* di badannya. Dalam persembahan Barongan, watak Kelono Sewandono ini merupakan lambang kepada seorang Raja yang memerintah sebuah kerajaan yang sangat gagah dan berani menentang seekor Singa Barong yang menganggu ketenteraman kerajaan dan kehidupan rakyatnya. Watak Kelono Sewandono ini melambangkan seorang raja yang mempunyai kekuatan mental dan fizikal untuk melawan musuh. Raja juga harus bersifat adil dalam memerintah kerajaan dan rakyatnya. Raja yang baik akan disayangi dan disanjungi oleh rakyat dan memudahkan urusan pentadbiran. Perlambangan yang digambarkan ini menunjukkan identiti seorang raja yang sentiasa besiap siaga dalam menyelesaikan segala masalah yang berlaku dalam masyarakat (Nazaruddin, 2016).



GAMBAR 9. Topeng Watak Kelono Sewandono
Sumber: Farzana Jais 2016

**ISSN 1675-7513**

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**


Watak Kelono Sewandono (gambar 9) dibantu oleh seorang lagi watak lelaki yang memakai topeng Bujang Ganong (Gambar 10). Menurut cerita yang disampaikan oleh Muhamad (2016), Bujang Ganong merupakan sahabat Kelono Sewandono yang bersama-sama masuk ke hutan untuk membunuh Singo Barong. Dalam pertarungan menentang Singo Barong kedua-dua watak lelaki ini telah berjaya menewaskan Singo Barong dan membawa kepala Singo Barong kepada Puteri Samidah Songgol Langit dan akhirnya Puteri telah berkahwin dengan Kelono Sewandono. Bujang Ganong dipercayai telah membuat sebuah drama tari berkenaan cerita Raja Kelono Sewandono yang telah berkahwin dengan seorang Puteri yang sebenarnya seorang lelaki tetapi berpakaian seperti perempuan (Muhamad, 2016).



GAMBAR 10. Topeng Watak Bujang Ganong
Sumber: Farzana Jais 2016

Perlambangan yang ditunjukkan dalam persembahan Barongan melalui topeng watak Kelono Sewandono dan Bujang Ganong ini memberi makna dan pengajaran kepada masyarakat tentang sebuah kehidupan. Walau bagaimanapun, kedua-dua watak ini mempunyai unsur negatif dan positif yang boleh diterapkan nilainya dalam diri masyarakat. Unsur positif yang boleh dilihat dalam watak Bujang Ganong ini ialah sikap Bujang Ganong yang membantu menewaskan musuh dan menyelesaikan masalah yang berlaku dalam masyarakat. Unsur negatif boleh dilihat dengan perwatakan Bujang Ganong yang garang dan mempunyai wajah yang menakutkkan.

## Puteri Samidah Songgol Langit

Watak perempuan secara jelas tidak ditunjukkan dalam persembahan Barongan. Dalam persembahan Barongan terdapat watak perempuan yang bernama Puteri Samidah Songgol Langit. Puteri Samidah Songgol Langit ini sebenarnya seorang lelaki yang berpakaian seperti wanita dan berperwatakan lembut. Watak wanita tiada dalam persembahan Barongan kerana tarian ini hanya mempersembahkan tentang pertarungan menewaskan Singo Barong yang tertumpu kepada watak lelaki. Namun begitu, di daerah Batu Pahat terdapat kumpulan Barongan yang menambah watak perempuan dalam

*Jurnal Melayu*
**Vol. 25 (2) 2026**
**DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.06**


persembahan mereka. Topeng watak Tembem (Gambar 10) diwujudkan yang memegang watak lelaki berpakaian wanita dan mempunyai perwatakan yang lembut. Watak ini memberikan gambaran yang sama dengan watak Puteri Samidah Songgol Langit. Watak Tembem ini ditokok tambah dalam persembahan Barongan hanya untuk memberikan hiburan dan menambahkan unsur lucu dalam persembahan ini. Watak Tembem yang dipersembahan ada yang memakai topeng dan ada yang tidak memakai topeng. Bagi watak Tembem yang tidak memakai topeng, pemain watak tersebut akan disolek dan dipakaikan gincu merah untuk memperlihatkan wajah lucu dan menghiburkan.



GAMBAR 10. Topeng Tembem
Sumber: Farzana Jais 2016

Watak Tembem ini dijadikan sebagai watak tambahan kerana dalam persembahan Barongan ini hanya terdapat watak lelaki sahaja. Oleh itu, tambahan watak perempuan disesuaikan dengan lumrah kehidupan masyarakat kerana manusia diciptakan sebagai berpasangan yang saling melengkapi keperluan antara satu sama lain (Sadion Misnon 2016). Justeru tambahan watak perempuan bertujuan hiburan dan disesuaikan dengan pengaruh persekitaran kehidupan masyarakat.

## IMPLIKASI TERHADAP BUDAYA DAN SOSIAL MASYARAKAT

Perlambangan topeng haiwan dan topeng watak manusia dalam persembahan Barongan di daerah Muar dan Batu Pahat berfungsi bukan sekadar sebagai elemen estetika yang memperindah persembahan, tetapi turut menjadi medium penting dalam mengukuhkan identiti budaya dan sosial masyarakat setempat. Simbol topeng haiwan seperti Singo Barong dan kepala harimau sering digambarkan dengan rupa fizikal yang garang dan gerakan yang bertenaga, melambangkan kekuatan fizikal, keberanian menghadapi cabaran dan sifat perlindungan terhadap komuniti. Perlambangan ini mempunyai akar sejarah dan mitologi yang berkait rapat dengan sistem kepercayaan tradisional, iaitu haiwan dianggap sebagai penjaga atau pelindung kampung daripada unsur jahat. Perlambangan manusia dalam topeng watak Kelono Sewandono, Bujang Ganong, Puteri Samidah Songgol Langit, Tembem mencerminkan nilai moral, kebijaksanaan, kesetiaan dan solidariti. Watak-watak ini berfungsi sebagai teladan, mengajar penonton tentang

etika hidup bermasyarakat seperti saling menghormati, bekerjasama dan menjaga keharmonian sosial.

Perpaduan simbol topeng haiwan dan topeng watak manusia dalam persembahan Barongan juga menjadi naratif visual yang memaparkan hubungan harmoni antara manusia dan alam. Ia mengekspresikan pandangan dunia masyarakat Melayu yang menekankan keseimbangan, keberanian dalam menghadapi kesukaran serta kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Perlambangan ini bukan sahaja memperkayakan nilai seni persembahan Barongan, tetapi juga berperanan sebagai alat pewarisan budaya yang memindahkan nilai-nilai teras masyarakat di daerah Muar dan Batu Pahat khususnya generasi muda, seterusnya mengekalkan kesinambungan identiti budaya dan sosial komuniti tersebut (Nazaruddin, 2016).

Perlambangan topeng haiwan seperti kepala harimau dan Singa Barong menggambarkan keberanian dan kekuatan serta menjadi simbol kolektif yang membangkitkan rasa bangga terhadap identiti komuniti. Perlambangan manusia dalam watak penari menonjolkan nilai-nilai sosial seperti kebijaksanaan, kesetiaan, dan hormat-menghormati. Gabungan perlambangan ini memberi inspirasi kepada masyarakat untuk mengekalkan jati diri komuniti yang berteraskan nilai moral dan semangat kekitaan. Kegiatan mementaskan Barongan turut memperkukuh semangat gotong-royong, sama ada dalam persiapan acara, pengurusan pentas, mahupun penyediaan jamuan. Hal ini menjadikan persembahan Barongan bukan sekadar hiburan, tetapi juga cerminan struktur sosial masyarakat Jawa di daerah Muar dan Batu Pahat, di mana norma seperti kerjasama, tanggungjawab bersama, dan saling membantu diamalkan secara praktikal.

Dari sudut identiti sosial, perlambangan topeng haiwan dan topeng watak manusia dalam persembahan Barongan di Muar dan Batu Pahat berperanan sebagai pemangkin kepada pembentukan kesatuan komuniti. Keterlibatan pelbagai lapisan masyarakat termasuk penari, pemuzik, pembuat kostum, pengurus acara dan penonton yang mencipta ruang interaksi yang mengukuhkan rasa kebersamaan. Proses ini mempererat hubungan sosial, membina kepercayaan, dan memupuk persefahaman antara ahli komuniti. Perlambangan haiwan seperti Topeng Singo Barong, kepala harimau dan Kuda Barong membawa makna kekuatan kolektif dan keberanian, yang menjadi sumber kebanggaan bersama. Sementara itu, perlambangan manusia melambangkan nilai murni seperti kebijaksanaan, hormat-menghormati dan setia kawan. Kedua-dua bentuk perlambangan ini membina jati diri komuniti, di mana masyarakat daerah Muar dan Batu Pahat melihat Barongan sebagai cerminan keunggulan budaya dan kekuatan sosial mereka.

## KESIMPULAN

Persembahan Barongan di daerah Muar dan Batu Pahat, Johor bukan sekadar hiburan tradisi, malah merupakan manifestasi kosmologi Melayu-Jawa yang sarat dengan nilai ritual dan spiritual. Melalui analisis Teori Ikonografi, interaksi antara perlambangan topeng haiwan dan topeng watak manusia membuktikan wujudnya falsafah dualisme yang mengimbangi alam nyata dengan alam ghaib. Makna simbolik ini terus dihayati sebagai panduan moral, etos sosial dan pegangan spiritual yang memelihara keharmonian masyarakat. Kajian ini bukan sahaja mengisi jurang literatur berkaitan ikonografi

Barongan di Johor, malah memperluas kefahaman bahawa seni warisan ini merupakan medium ekspresi budaya yang dinamik serta relevan merentas zaman.

Analisis Teori Ikonografi menunjukkan interaksi antara manusia dan haiwan dalam persembahan Barongan melambangkan keseimbangan antara budaya dan alam, antara disiplin komuniti dan tenaga batin yang melampaui batas manusiawi. Kehidupan masyarakat dipengaruhi oleh kepercayaaan terhadap perlambangan yang mempunyai makna. Kepercayaan ini diterapkan dalam persembahan Barongan yang diamalkan oleh masyarakat Jawa di daerah Muar dan Batu Pahat, Johor. Persembahan Barongan mempunyai perlambangan terhadap topeng haiwan dan manusia yang yang menjadi simbol terhadap sesuatu perkara yang dalam segenap kehidupan masyarakat. Simbol dan perlambangan turut mempengaruhi unsur alam yang dipercayai dalam kehidupan masyarakat Jawa. Unsur-unsur ini turut memberi perlambangan dan sebuah makna yang menjadi pengaruh dalam kehidupan mereka. Makna-makna disebalik perlambangan ini dijadikan sebagai panduan kepada masyarakat dalam kehidupan untuk mendapatkan sebuah kehidupan yang baik dan sejahtera.

## RUJUKAN

Aby Warburg. 1999. *The Renewal of Pagan Antiquity: Contributions to the Cultural History of the European Renaissance*. Los Angeles: The Getty Research Institute for the History of Art and the Humanities.

Alde Hera Klinsando, Ponimin& Swastika Dhesti Anggrian. 2023. Bentuk dan Teknik Penggarapan Topeng Barongan Kucingan di Tulungagun. *JoLLA: Journal of Language, Literature, and Art*s, 3(2), 236–255. DOI: 10.17977/um064v3i22023p236-255

Budiono Herusatoto. 1983. *Simbolisme dalam Budaya Jawa*. Hanindita: University Michigan.

Creswell, J.W. & Poth, C.N. 2018. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. 4thedn. Thousand Oaks, CA: SAGE.

Desnatia Munzilatul Qur'aniyah, Muhammad Jazuli & Wahyu Lestari. 2023. The Characters' Values of Barongan Turonggo Laras Arts in Kendal Regency. *Jurnal Seni Tari*,12(1), 62-74.

Linda Sunarti, Teuku Reza Fadeli, Abdu Rakhman, Didik Pradjoko, & Noor Fatia Lastika Sari. 2022. The Perception and Preservation of Javanese Culture in Malaysia. *JATI-Journal of Southeast Asian Studie*s, 27(1), 111-126. https://doi.org/10.22452/jati.vol27no1.6

Mifedwil Jandra, Agus Sulaiman Djamil, Hussin Salamon, Anhar Ansyory Moh & Damami Zein. 2016. Identity And Culture Chang of Javanese in Johor. International *Journal of Islamic and Civilizational Studies* (*UMRAN*), 3(1), 1-9. https://jurnalumran.utm.my/index.php/umran/article/view/140/60

Misrin. 2015. Topeng Kepala Harimau. Temu bual, 22 Disember.

Mohamad Safee Sapari. 2011. Tarian Barongan (Revolusi dan Cabaran dalam Kelestariannya). Projek Ijazah Sarjana Muda Gunaan dengan Kepuajian (Pengurusan Seni), Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak.

Muhammad. 2016. Kesenian Barongan di Daerah Batu Pahat dan Muar, Johor. Temu bual, 20 April.

Muhammad Jazuli & Samsul Alam. 2020. From Ritual To Entertainment: The Changing Role Of Barongan Performance Arts. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 8(4), 496-506 https://doi.org/10.18510/hssr.2020.8448

Muhammad Jazulia, Slamet MD & Lesa Paranti. 2020. Bentuk dan Gaya Kesenian Barongan Blora. *Dewa Ruci: Jurnal Pengkajian dan Penciptaan Seni*, 15(1), 12-19. https://jurnal.isi-ska.ac.id/index.php/dewaruci/article/view/2892/2660

Nazaruddin Md Sintar. 2016. Persembahan Barongan di Daerah Batu Pahat, Johor. Temu bual, 15 Februari.

Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Panofsky, E. 1939. *Studies in Iconology: Humanistic Themes in the Art of the Renaissance*. New York: Oxford University Press.

Razali Md Amin, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Ab Samad Kechot. 2017. Komunikasi, Instrumentasi dan Seni Persembahan Gamelan Melayu dan Jawa. *Jurnal Melayu Isu Khas*, 272-288.

Rohasmezan Hashim & Zaimie Sahibil. 2024. Simbol Budaya Masyarakat Sabah dalam Karya Seni Arca "Warisan" Oleh Chee Singteck. *Gendang Alam*, 14(1), 93-99. https://doi.org/10.51200/ga.v14i1.5184

Sadion Misnon. 2016. Persembahan Barongan di Daerah Muar, Johor. Temu bual, 20 Mac.

Siti Islamiah Ahmad, Mohd Effindi Samsuddin & Awang Azman Awang Pawi. 2023. "Isim" dan "Isi" dalam Persembahan Seni Permainan Kuda Kepang. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 34(1), 107-125.

Tarian Barongan Batu Pahat. 2022. https://youtu.be/tOoWlkRMWWA?si=nlce6Z76t38zqBnd [Dicapai pada 27 Mac 2026]

Warburg, A. 1999. *The Renewal of Pagan Antiquity: Contributions to the Cultural History of the European Renaissance*. Los Angeles: Getty Research Institute.

**Biodata Penulis:**

**Farzana Jais**
Penulis merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda (dengan Kepujian) di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA Melayu), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Yusmilayati Yunos**
Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA Melayu), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang beliau adalah etnoperubatan Melayu dan Jawa.